



MENGADAP KIBLAT YANG LUAS

Laporan harian di www.wilayahku.com.my
dan
media sosial Wilayahku

Kongsikan info dan cerita banjir anda kepada
helme.hanafi@gmail.com



Kehadiran Agong ubati kesedihan mangsa banjir sambut Krismas

“**KAMI** sangat teruja dengan kedatangan Agong dan memberi keceriaan kepada kami di pusat ini,” kata seorang mangsa banjir M. Thilagavathy, 28, di pusat pemindahan sementara (PPS) di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Seksyen 19 hari ini.

Wanita itu menzahirkan rasa teruja kerana tidak menyangka dapat bertemu dengan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang sekurang-kurangnya dapat mengubat rasa sedih apabila tidak dapat menyambut Krismas seperti sebelum ini.

“Persiapan untuk Krismas pun kami sudah sediakan namun semua sudah hancur kerana banjir. Tapi kita pun tidak sangka juga walaupun tidak dapat sambut (Krismas), Agong pula datang ke sini ucap ‘Merry Christmas’ pada kami.

“Agong pesan ‘Jangan risau semua akan jadi baik lepas ini. Kalau hendak apa-apa bagitahu dekat orang di sini (pengurusan PPS)’,” kata Thilagavathy kepada pemberita di PPS tersebut hari ini..

Seman Idon, 41, berkata sudah semestinya dia berasa sedih tidak dapat menyambut Krismas seperti biasa dan berkumpul bersama sanak saudara.

Tambah pilu, Seman yang berasal dari Betong, Sarawak itu berkata rancangan asalnya untuk menyambut Krismas bersama keluarga di Sarawak terpaksa ditangguhkan susulan banjir teruk di kawasan Taman Sri Muda.

“Tiket saya sudah beli untuk kami sekeluarga. Tunggu masa sahaja untuk pulang, sekali jadi banjir ini. Memang sedih sangat. Barang-barang persediaan semua sudah habis rosak.



YANG di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan menyantuni mangsa banjir di sekitar Taman Sri Muda Seksyen 25.



YANG di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah (kiri) berkenan menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS) di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Seksyen 19.

“Bila Agong datang sini jumpa sendiri depan mata, rasa seperti ada sambutan di sini dan Baginda juga ada bagi sumbangan dan wang pada anak-anak. Anak-anak suka,” katanya.

Terdahulu, Seri Paduka berkenan berangkat dengan memandu sendiri kenderaan pacuan empat roda ke PPS sekitar 9.50 pagi yang disambut Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah.

Seri Paduka berkenan meluangkan masa kira-kira 40 minit menyantuni mangsa terjejas dengan banjir di Taman Sri Muda dan turut mengucapkan “Merry Christmas” (Selamat Hari Krismas) kepada mangsa yang menyambut perayaan itu sebelum berangkat ke lokasi seterusnya di Masjid Taman Sri Muda.

MISI BANTUAN BANJIR KWP, 25 DISEMBER 2021 OPERASI PKOB BUKIT CHANGGANG SEMAKIN GIAT

PKOB Bukit Changgang meneruskan Misi Bantuan Banjir KWP di Bukit Changgang, Daerah Kuala Langat yang memasuki hari kelima KWP hari ini. Operasi hari ini mensasarkan 5 kawasan untuk dibersih dan dipulihkan melibatkan Madrasah Miftal Ul-Ulum Kg Bukit Changgang, Klinik Kesihatan Bukit Changgang, Surau Al-Ehsaniah, Tabika PASTI At-Taqwa dan Sekolah Intergrasi At-Taqwa.

Operasi PKOB telah digerakkan secara giat dengan penambahan petugas dari DBKL, PPj dan Sukarelawan dari KWP, PTGWP, MSWP secara keseluruhannya berjumlah 110 orang. Operasi hari ini juga telah dijayakan bersama NGO dan Institut Pengajian Tinggi Awam seperti Universiti Malaya di Surau Al-Ehsaniah, Tabika PASTI At-Taqwa dan Sekolah Intergrasi At-Taqwa. 4 Kawasan sasaran operasi telah berjaya diselesaikan.



Kerja-kerja pembersihan Sekolah Intergrasi At-Taqwa yang turut dibantu oleh Ngo dan pelajar Universiti Malaya



Kerja-kerja pembersihan Madrasah Miftah Ul-Ulum



Kerja-kerja pembersihan Klinik Kesihatan Bukit Changgang oleh Pasukan Petugas dan Sukarelawan KWP

Manakala, operasi di Sekolah Intergrasi At-Taqwa akan disambung disebabkan masalah bekalan air hari ini.

Misi Bantuan Banjir KWP telah menyediakan satu platform yang dilihat telah memberi inspirasi kepada banyak pihak untuk terlibat dalam membantu mangsa-mangsa banjir di kawasan ini. Hari ini didapati pelbagai NGO, IPTA dan Agensi telah menghulurkan bantuan di Kawasan ini.

**#KWPbantu
#kitabantu
#KeluargaMalaysia**



PEJABAT MENTERI
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI EKORAN BANJIR DI KUALA LUMPUR

Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi di bawahnya iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meneruskan kerja-kerja operasi membantu, menyelamat dan membersih yang memasuki **hari kelapan** di kawasan-kawasan yang terkesan dengan bencana banjir di sekitar ibu negara Kuala Lumpur.

Status terkini bagi lokasi-lokasi yang terkesan dengan bencana banjir adalah seperti berikut:

BIL.	LOKASI	STATUS
1	Kg. Periuk	PPS ditutup (kesemua mangsa telah pulang ke kediaman pada jam 10 pagi, 4 Disember 2021)
2	Kg. Pasir	PPS ditutup (kesemua mangsa telah pulang ke kediaman pada jam 10 pagi, 25 Disember 2021)
3	Kg. Batu Bata	PPS ditutup (kesemua mangsa telah pulang ke kediaman pada jam 4.00 petang 21 Disember 2021)
4	Taman Hock Ann	Air telah surut; semua penghuni telah kembali ke rumah
5	Lorong Haji Mahadi	Air telah surut dan jalan telah dibuka
6	Jalan Melaka	Air telah surut dan jalan telah dibuka
7	Jalan Batu-Bata	Jalan telah dibuka
8	Jalan Rahmat (PWTC)	Jalan masih ditutup
9	Maluri	Semua jalan telah dibuka
10	Leisure Mall	Semua jalan telah dibuka
11	Bandar Permaisuri	Semua jalan telah dibuka
12	Sg. Besi	Semua jalan telah dibuka
13	Kg. Seri Delima	Air telah surut; jalan masih belum dibuka
14	Jalan Raja Chulan	Jalan telah dibuka
15	Lorong Jambu Laut	Air telah surut; jalan masih belum dibuka
16	Kg. Kasipillay	Air telah surut
17	Kg. Chubadak	Jalan telah dibuka
18	Jalan Tiongnam	Jalan telah dibuka

Ketika ini, **pusat pemindahan sementara (PPS)** yang masih aktif adalah di lokasi seperti berikut:

- i. SK Sg Penchala bagi pemindahan penduduk Kg. Palimbayan

Berikut merupakan status bagi setiap lokasi pusat pemindahan:

BIL.	LOKASI KEJADIAN	LOKASI PUSAT PEMINDAHAN	MANGSA	STATUS
1	Kg Pasir (Banjir)	SJKT Saraswathy Lembah Pantai	-Semua mangsa pulang ke kediaman pada 25 Disember 2021	-PPS ditutup.
2	Kg Palimbayan (Tanah Runtuh)	SK Sg Penchala	43 Keluarga	-24 Rumah musnah

Kesemua PPS yang melibatkan mangsa banjir telah ditutup. PPS yang dibuka adalah yang melibatkan mangsa tanah runtuh iaitu 43 keluarga.

Beberapa laporan berkaitan tanah runtuh telah dikenalpasti oleh DBKL iaitu melibatkan **83 lokasi tanah runtuh**. Senarai lokasi adalah seperti berikut :

- JALAN PALEMBAYAN, KG SG PENCHALA
- LOT 2979, JALAN PENCHALA INDAH
- NO. 263, TAMAN DAMANSARA INDAH
- CARCOSA SRI NEGARA
- NO.37, JALAN CHANGKAT SEMANTAN 1, DAMANSARA HEIGHTS
- 31, JALAN BATAI BARAT, BUKIT DAMANSARA
- SRI DUTA 1, JALAN GALLAGHER
- JALAN BUKIT LEDANG, DAMANSARA
- TUGU NEGARA, JALAN PARLIMEN
- BANGUNAN PARLIMEN, JALAN PARLIMEN
- JALAN DAMANSARA – JALAN JELUTONG
- NO. 24 & 26, LORONG DUNGUN
- NO. 19, JALAN BUKIT TUNKU
- ARKIB NEGARA
- SUSUR KE JALAN PARLIMEN
- BANK NEGARA
- NO. 10 & 12, JALAN SETIAKASIH 6
- NO.1, JALAN SETIAMURNI 7
- JALAN BUKIT LANJAN, SUNGAI PENCHALA
- IMPIAN ADRIANA, LOT 3216, JALAN SRI PENCHALA 5
- SUSUR MASUK JALAN ISTANA NEGARA PINTU 1
- LORONG BURHAN UDDIN HELMI 4

- RESTORAN MUHIBAH, KG SG PENCHALA
- MEDAN SELERA JALAN DUTA
- PERSIARAN SULTAN SALAHUDDIN
- LOT 2750, JALAN SRI PENCHALA 2
- LORONG BELUNTAS 2 & 3, MEDAN DAMANSARA
- 92A, JALAN JELUTONG, DAMANSARA HEIGHTS
- WEDGEWOOD RESIDENCE
- DAMANSARA VILLA, JALAN BUKIT LEDANG
- JALAN KIARA 3, SEGAMBUT DALAM
- NO.15, CHANGKATTUNKU
- 32, JALAN TERUNTONG, DAMANSARA HEIGHTS
- JALAN BURUNG TEKUKUR
- JALAN 1/38C, TAMAN SRI KEPONG BARU
- METROPOLITAN KEPONG
- JALAN BERINGIN 2
- L43, KG MASJID, SEGAMBUT DALAM
- SEKOLAH SRI HARTAMAS
- LINGKUNGAN NEGERI SEMBILAN
- NO.5, LORONG BUKIT PANTAI 3
- BANGSAR INDAH CONDO, LORONG MAAROF
- JALAN KELANTAN, BUKIT PERSEKUTUAN
- JALAN PANTAI PERMAI
- NO.22, LORONG TRAVERS
- BUKIT AMAN, JALAN PARLIMEN
- NO.16, LORONG TRAVERS
- NO.25, JALAN BUKIT TRAVERS
- NO.28, LORONG TRAVERS
- JALAN TABAN
- JALAN BUKIT SETIAWANGSA 1 (CERUN C)
- JALAN BUKIT SETIAWANGSA (CERUN D)
- 18, JALAN 51/26, TAMAN SRI RAMPAI
- PUSAT KOMUNITI, JALAN TAMAN SETIAWANGSA
- JALAN PUNCAK SETIAWANGSA 1
- JALAN BUKIT SETIAWANGSA (CERUN A)
- NO.1 & 3, JALAN 2/4B, TAMAN BUKIT MAS
- BELAKANG KOMPLEKS PADU, KAMPUNG PUAH
- SUNWAY MONTANA, JALAN DESA MELAWATI
- KONDOMINIUMSRI KINABALU, SEKSYEN 10, WANGSA MAJU
- JALAN 2/98, TAMAN SUPREME
- JALAN DURIAN 3
- JALAN 5/98, TAMAN SUPREME
- BUKIT PANDAN 2 CONDOMINIUM, JALAN PERDANA 1/91B
- NO.46, JALAN PERKASA, TAMAN SALAK SELATAN
- LOT 210 & 212, JALAN DESA MESRA
- JALAN GEMPITA, TAMAN SALAK SELATAN
- JALAN JALIL PERKASA 19, TAMAN ESPLANAD, BUKIT JAUL
- NO. 125, JALAN HUJAN, TAMAN OUG
- JALAN TAMAN SEPUTEH 3
- JALAN AMPANG, BUKIT NANAS

- JALAN KIA PENG
- NO.68, PERSIARAN SYED PUTRA
- JALAN 3/125, DESA PETALING
- JALAN ROBSON
- LORONG PETALING
- YUEN THONG SZE TEMPLE, JALAN SYED PUTRA
- JALAN SALAK SELATAN 11
- PPRINTAN BAIDURI, BLOK D
- JALAN 1/154, TAMAN BUKIT ANGERIK
- VELODROM CHERAS
- JALAN DAMAI JAYA 3, ALAM DAMAI
- NO.98, LORONG 5, KG. PANDAN

Pihak IKRAM telah dilantik oleh DBKL untuk membuat kajian bagi mengenalpasti tindakan penyelesaian yang sesuai untuk dilaksanakan.

DBKL juga telah mengenalpasti lokasi **pokok tumbang dan dahan serakah** menerusi siasatan di tapak dan aduan awam. Lokasi dan status bagi setiap lokasi yang terlibat adalah seperti berikut:

BIL.	LOKASI	STATUS
1.	Jalan Bukit Damansara 195	Selesai
2.	Jalan Pantai Permai, Lembah Pantai	Selesai
3.	Muzium Di Raja Bukit, Petaling (Pintu 2)	Selesai
4.	IPD Brickfields	Selesai
5.	Jalan Siakap Blok 28 Cheras	Selesai
6.	Jalan Midah 8 Cheras	Selesai
7.	Jalan Jubilee off Jalan Loke Yew	Selesai
8.	Galeria Sri Perdana, Jalan Terengganu	Selesai
9.	Klinik Kesihatan Segambut Dalam	Selesai
10.	Jalan 1/48 Bukit Mas, Taman Melawati	Selesai
11.	SMK Wangsa Melawati	Selesai
12.	Jalan 2/27A Sekyen 1 Wangsa Maju	Selesai
13.	Jalan Raja Chulan, No 43	Selesai
14.	Lorong Setia Bistari, Bukit Damansara	Selesai

15.	Jalan Kuching, Bulatan Dato Onn	Selesai
16.	Jalan Tuanku Abdul Halim	Selesai
17.	Persiaran Lemak Taman Segar Jalan Cheras	Selesai
18.	Jalan Sekilau, Taman Tenaga	Selesai
19.	Jalan Tunku, Bukit Tunku	Selesai
20.	Jalan Sultan Azlan Shah	Selesai
21.	No16A, Jalan Air Panas Baru, Air Panas Setapak	Selesai
22.	Wisma Tani Ke Bukit Tunku	Selesai
23.	No 10, Jalan 1/38C Taman Sri Kepong Baru	Selesai
24.	No 40,Jalan Medan Tanduk Bukit Bandaraya Damansara	Selesai
25.	Masjid Jamek Petaling, Jalan Puchong	Selesai
26.	Jalan Damai Jasa 18, Alam Damai	Selesai
27.	Jalan 1/38F, Taman Sri Sinar	Selesai
28.	Tepi Sek Keb Bl 4 ,Jalan Ipoh	Selesai
29.	Hadapan Rumah Menteri Kewangan Bukit Tunku Kenny Hill	Selesai
30.	Jln Medan Putra 1,Bandar Manjalara	Selesai
31.	Jln 1/62A Manjalara	Selesai
32.	Berhampiran Pondok Polis Taman Desa	Selesai
33.	Jln 3 /38A Taman Sri Sinar	Selesai
34.	677, Lingkungan Jambu Gajus	Selesai
35.	Hadapan Blok 42, Jalan Lake Yew	Selesai
36.	Jalan Kolam Air 4, Jalan Ipoh	Selesai
37.	Bukit Mas, Taman Melawati	Selesai
38.	Lebuhraya Sultan Iskandar	Selesai
39.	Jln Medan Tanduk, Bangsar.	Selesai
40.	Jln 1/27D, Seksyen 6 Wangsa Maju	Selesai

41.	Jln Wangsa Perdana 3, Seksyen 4, Wangsa Maju	Selesai
42.	Jalan 27/56, AU3 Keramat Wangsa	Selesai
43.	Jalan Metro Perdana Barat 13, Kepong	Selesai
44.	92 Danau, Jalan 2/62 Bandar Manjalara Kepong	Selesai
45.	35, Jalan Langgak Tunku, Bukit Tunku	Selesai
46.	Jalan Nikmat, Taman Bukit Aman	Selesai
47.	Berdekatkan Federal Hotel	Selesai
48.	Jalan Sri Permaisuri 1	Selesai
49.	Jalan Kuching ke Bulatan Segambut	Selesai
50.	Robson Heights Jalan Pesiaran Endah	Selesai
51.	Jalan Delima 10	Selesai
52.	Ppr Bukit Jalil Blok A	Selesai
53.	Lorong Setiajasa 1	Selesai
54.	Pangsapuri Desa Tenaga	Selesai
55.	Jalan 7/6B Taman Segambut	Selesai
56.	Jalan Kampas	Selesai
57.	Jalan Kuching Menghalang Ke KL	
58.	Jalan Air Dusun	Selesai
59.	Jalan Wangsa Perdana 3 Seksyen 6	Selesai
60.	Jalan 1/27d Seksyen 6	Selesai
61.	Flat Loke Yew Hadapan Blok 42	
62.	Jalan Langgak Tunku	Selesai
63.	Jalan 40/70A Sri Hartamas	Selesai
64.	Jalan Bukit Ledang	Selesai
65.	Jalan Taman Ibu Kota	Selesai
66.	Jalan Tuanku Abdull Halim	Selesai
67.	Jalan Mesra Ria	Selesai

68.	Jalan Tunku Bukit Tunku	Selesai
69.	Ppr Kg.Muhibbah	Selesai
70.	Jalan Belfield	Selesai
71.	Taman Dusun	
72.	Jalan Awan Kelarai Taman Yarl	Selesai
73.	Jalan Pantai Permai	Selesai
74.	Greenpark AB Condo Jalan Awan Pintai Taman Yarl	
75.	JKR 2935 Jalan Ledang	Selesai
76.	100, Jalan Jelutong	Selesai
77.	Jalan Maarof	Selesai
78.	Medan Selera Jalan Duta	Selesai
79.	27,Lorong Travers	
80.	Selepas Bulatan Segambut ke arah Matic	
81.	Jalan Kuchai ke arah Jalan Kuchai Lama	Selesai
82.	Jalan Awan Kechil Taman Yarl	Selesai
83.	Regalia Suites Jalan Kuching	Selesai
84.	JKR 3149 Jalan Persekutuan	Selesai
85.	Jalan Alor,B.Bintang	Selesai
86.	Jalan 27/56 AU3 Keramat Wangsa	Selesai
87.	Petronas Salak Jaya	Selesai
88.	Jalan 1/56 AU3 Keramat Wangsa	Selesai
89.	Jalan Tuanku Abdul Halim	Selesai
90.	Jalan Bintang	
91.	Lorong Setiabistari Damansara	Selesai
92.	Jalan Tunku	Selesai
93.	Jalan Setiamurni 6	Selesai

DBKL bersama agensi sahabat seperti Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan, Angkatan Pertahanan

Awam Malaysia (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), RELA, Alam Flora, NADMA dan Pasukan Pengakap Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terus menjalankan operasi membantudan menyelamat serta menjalankan kerja – kerja pembersihan

Jumlah keseluruhan kekuatan anggota yang terlibat adalah seramai **1,400 orang**.

Kerja-kerja pembersihan juga telah mula dilakukan sejak 19 Disember 2021 oleh DBKL melalui pihak Alam Flora di sekitar bandar raya Kuala Lumpur dan akan diteruskan sehingga selesai.

Seramai **350 orang kakitangan** yang terlibat dalam **kerja-kerja pembersihan** yang terdiridari pada kakitangan DBKL dan kakitangan Alam Flora.

Berikut merupakan status pembersihan di setiap lokasi yang terlibat:

BIL	LOKASI	STATUS KERJA PEMBERSIHAN
1	Kg. Periuk	Dalam proses pembersihan
2	Kg. Pasir	Dalam proses pembersihan
3	Kg. Batu Bata	Selesai
4	Taman Hock Ann	Selesai
5	Lorong Haji Mahadi	Dalam proses pembersihan
6	Jalan Melaka	Selesai
7	Jalan Batu-Bata	Selesai
8	Jalan Rahmat (PWTC)	Selesai
9	Maluri	Selesai
10	Leisure Mall	Selesai
11	Bandar Permaisuri	Selesai
12	Sg. Besi	Selesai
13	Kg. Seri Delima	Dalam proses pembersihan
14	Jalan Raja Chulan	Dalam proses pembersihan
15	Lorong Jambu Laut	Dalam proses pembersihan
16	Kg. Kasipillay	Dalam proses pembersihan
17	Kg. Chubadak	Dalam proses pembersihan
18	Jalan Tiong Nam	Dalam proses pembersihan

19	Jalan Raja Laut	Selesai
20	Jalan Raja	Selesai
21	Jalan Melayu	Selesai
22	Jalan Tun Perak	Selesai
23	Jalan Sultan Hishamudin	Selesai
24	Jalan Sultan Azlan Shah	Selesai
25	Masjid Jamek	Selesai
26	Jalan Kolam Air	Selesai
27	Jalan Putra	Selesai
28	Pejabat JPK Pekeliling	Selesai
29	Jalan Pahang	Dalam proses pembersihan
30	Flat PKNS Kg Baru	Dalam proses pembersihan
31	Jalan 1/68D	Selesai

DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM

Menteri Wilayah Persekutuan

25 Disember 2021

DBKL sedia bantu bersih kawasan terjejas luar KL - Shahidan

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan turut membantu membersihkan kawasan pasca banjir melibatkan jentera berat di kawasan luar ibu kota khususnya di Lembah Klang.

Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata setakat ini lebih 20 lori dan 10 mesin pengorek telah digerakkan bagi membantu membersihkan kawasan terjejas banjir di Hulu Langat, Selangor serta Bentong, Temerloh dan Mentakab di Pahang.

“Saya dah cadang juga kepada tuan DO (pegawai daerah) tadi agar kita ‘outsource’ (cari khidmat luar) NGO (badan bukan kerajaan) untuk beri bantuan dalam bentuk sewa lori dan ‘backhoe’ (pengorek kaut) yang lebih diperlukan.

Bermula esok ada satu NGO yang akan bantu di sini (Puchong), dengan sewa lori melibatkan tiap satu pasukan ada satu ‘backhoe’ dan tiga lori untuk alihkan sampah dan sebagainya,” katanya kepada pemberita selepas meninjau kawasan terjejas banjir sekitar Puchong, dekat sini hari ini.

Shahidan turut menyeru semua pihak lain termasuk NGO untuk lebih fokus menyalurkan bantuan yang lebih diperlukan untuk situasi pasca banjir memandangkan sumbangan seperti makanan dilihat seakan menjadi lambakan.

Dalam pada itu Shahidan berkata DBKL turut bersiap siaga dengan kemungkinan berlakunya gelombang kedua banjir.

Katanya, situasi di Kuala Lumpur yang juga terjejas teruk melibatkan 1,056 keluarga selain mencatatkan lebih 80 kes cerun runtuh minggu lalu kini berada di bawah kawalan.

Terdahulu, Shahidan menyertai tinjauan kawasan banjir di sekitar Puchong bersama Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.





ISMAIL Sabri bersama pasukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) membantu proses pembersihan pasca banjir di Hulu Langat.



Pembinaan projek lebuhraya EKVE punca banjir di Taman Sri Nanding

PROJEK pembinaan lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE) merupakan antara punca banjir genang yang berlaku di Taman Sri Nanding sehingga menyebabkan kemasuhan besar kepada penduduk.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, hasil pemantauannya di kawasan perumahan itu, beliau mendapati longkang tertutup dan menganggu sistem saliran di situ.

Ia menyebabkan air Sungai Langat yang terletak di belakang kawasan perumahan itu melimpah hingga menenggelamkan rumah di kawasan itu.

“Banjir ini bukan sahaja di sebabkan air hujan, tapi (tinjauan) di Taman Sri Nanding tadi (mendapati) kerana projek EKVE.

“Longkang tertutup dan sebagainya menyebabkan banjir lebih cepat,” katanya dalam sidang media di Masjid Al-Muttaqin dekat Dusun Tua selepas meninjau keadaan bencana di Taman Sri Nanding hari ini.

Hadir sama, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, Ketua Setiausaha Negara (KSN) Tan Sri Mohd Zuki Ali, Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Jeneral Tan Sri Affendi Buang, Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani dan Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Datuk Seri Mohammad Hamdan Wahid.- **WILAYAHKU**



SALAH seorang penduduk Taman Sri Nanding dilihat sedang melakukan proses pembersihan di kediaman miliknya selepas dinaiki air banjir.



PERDANA Menteri Ismail Sabri Yaakob (kanan) bersama Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim (dua kanan) menemu penduduk kampung di Taman Sri Nanding.



ISMAIL Sabri melihat keadaan longkang yang tersumbat dipenuhi lumpur akibat banjir di Taman Sri Nanding, Hulu Langat.

PERDANA Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (tiga kanan) bersama Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim (kanan) menyantuni penduduk kampung yang terjejas akibat banjir pada Program Gotong-Royong Keluarga Malaysia di Hulu Langat.



MENTERI Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim (kanan) ketika Program Gotong-Royong Keluarga Malaysia di Taman Sri Nanding, Hulu Langat.



Kerajaan sedia insinerator bergerak untuk lupus sisa pepejal

KERAJAAN melalui Kementerian Alam sekitar dan Air (KASA) telah menyediakan insinerator bergerak untuk melupuskan sampah-sampah yang terhasil akibat bencana di kawasan yang terjejas.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, insinerator itu dinamakan pyrolysis bersifat dan mudah alih akan melupuskan sisa pepejal di kawasan kejadian secara in-situ.

“Di tempat kejadian, kita akan bawa pyrolysis dan tugasnya seperti insinerator tapi tiada asap dan ia lebih bersih untuk alam sekitar

“Sekarang kaedah yang dibuat disini, kita kumpul semua sampah-sampah mereka datang secara mobil untuk bersihkan. dan sekarang ini mereka sedang bersihkan kawasan di Kampung Bukit Changgang,” katanya ketika sidang media selepas meninjau keadaan di Hulu Langat di sini hari ini.

Jelasnya, KSN akan memaklumkan secara terperinci mengenai kaedah tersebut selepas mempergerusikan mesyuarat jawatankuasa khas pasca banjir yang diadakan esok.-

WILAYAHKU





LONGGOKAN sampah yang diletakkan di luar rumah penduduk ketika proses pembersihan secara menyeluruh dijalan di Taman Sri Muda, Shah Alam.



ANTARA kediaman penduduk Taman Sri Nanding yang terjejas serta dinaiki air banjir ketika tinjauan pada Program Gotong-Royong Keluarga Malaysia.

Kerajaan tubuh task force pasca banjir

KERAJAAN akan membentuk pasukan petugas khas (Task Force) pasca banjir bagi memudahkan koordinasi antara agensi bagi memudahkan urusan yang berkaitan dengan bencana tersebut.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, task force tersebut akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali dan mesyuarat pertama akan dilaksanakan esok.

Beliau berkata, jawatankuasa itu akan dianggotai Ketua-ketua agensi yang terlibat seperti Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Ketua Polis Negara, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) dan lain-lain. yang akan ditentukan oleh KSN.

“Saya bersetuju untuk mewujudkan jawatankuasa khas bagi pasca banjir dan persediaan gelombang ke dua kerana dari segi ramalan cuaca ia berkemungkinan akan berlaku.

“Kerja kerja pasca banjir itu lebih besar rumit kerana bukan sahaja dari segi kerja-kerja pembersihan memerlukan koordinasi dan kerjasama dari agensi ia termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya yang melibatkan keperluan dan alatan.

“Begitu juga dengan pembahagian sumbangan daripada NGO, sumbangan wang ihsan, pembaikan rumah dan sebagainya dan memerlukan koordinasi yang betul-betul lengkap dan sempurna barulah dapat diselesaikan segera,” katanya. - **WILAYAHKU**



SALAH seorang kakitangan Yayasan Wilayah Persekutuan yang hadir untuk membantu operasi/proses pembersihan pasca banjir di Hulu Langat.



Staf YWP sertai Gotong Royong Perdana berbagai agensi

STAF Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) turun beramai-ramai pada Ahad menyertai Gotong Royong Perdana berbagai agensi di Taman Sri nanding Hulu Langat.

Gotong Royong Perdana itu dimulai dengan kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bersama Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Shahidan Kassim ke Surau Al Munir Taman Sri nanding jam 9.00 pagi.

Sebagaian besar agensi kerajaan termasuk ATM, Polis, Bomba, JPS, DBKL, MPKJ terlibat dengan program tersebut.

Berbekalkan waterjet, plastik sampah, penyapu, penyodok, sarung tangan getah, kasut but getah dan kereta sorong, kakitangan YWP membersihkan kawasan perumahan di Taman Sri Nanding.

Selain kerja pembersihan pasca banjir, YWP turut mengagihkan bantuan makanan kepada mangsa serta petugas di sekitar Taman Sri Muda, Hulu Langat, Dengkil dan Sungai Penchala termasuk Pusat Pemindahan Sementara (PPS) antaranya Dewan Sultan Sulaiman, Dewan Jalan Hamzah dan SJK(T) Saraswathy.



JKR, IKRAM sahkan Kondominium Seri Duta 1 tidak selamat

SABRINA SABRE

JABATAN Kerja Raya (JKR) dan Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) mengesahkan bahawa struktur tanah di Kondominium Seri Duta 1 tidak selamat sekali gus mengarahkan penduduk berpindah atas faktor keselamatan berkuat kuasa Ahad.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam satu kenyataan memaklumkan pihak pemaju telah melantik perunding bagi menganalisa keselamatan bangunan dan cerun di kawasan pemaju.

Sehubungan dengan itu, pihak JKR dan IKRAM telah melakukan lawatan tapak di kawasan tersebut dan mengenal pasti beberapa petanda menunjukkan Kondominium Seri Duta 1 kini tidak selamat untuk didiami.

“Satu maklum balas kestabilan daripada pihak perunding, JKR dan IKRAM telah dikeluarkan dan mendapati struktur bangunan tersebut bermasalah dan berisiko terjadinya runtuhan tanah yang lebih kritikal,” kata DBKL.

Menurut DBKL, terdapat tanda-tanda berlakunya pergerakan tanah yang memberi kesan kepada struktur bangunan.

“Antara tanda berlakunya pergerakan tanah adalah column dengan dinding yang telah terpisah, surface tension crack di beberapa permukaan tanah dan keretakan di bawah lantai.

“Tanda-tanda tersebut menunjukkan keadaan di kawasan tersebut adalah tidak selamat dan akan memberikan risiko kepada penghuni Kondominium Seri Duta 1 dan penghuni yang berada di tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP),” jelas DBKL dalam satu kenyataan pada Ahad.

Tambahnya, pihak pemaju telah mengosongkan unit-unit penduduk yang terkesan sebagai tindakan awalan bagi menghalang hakisan yang berterusan dan boleh menyebabkan pergerakan kepada pile cap.

“Kerja-kerja pemulihan cerun dan bangunan di dalam kawasan pemaju akan dilakukan dengan kadar segera.

“Pada masa sama, IKRAM akan memantau pergerakan tanah di kawasan itu secara lebih dekat,” ujarnya. - **WILAYAHKU**



KWP bersihkan rumah penduduk Jelebu

KAWASAN rumah penduduk di Jelebu, Negeri Sembilan yang dinaiki lumpur setebal 2 inci susulan kejadian banjir yang melanda pada 18 Disember lalu mendapat perhatian daripada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

Beberapa kakitangan telah turun padang membantu kerja-kerja pembersihan halaman rumah yang terjejas pada ahad (semalam) bersama penduduk setempat.

“Semoga bantuan yang dihulurkan ini dapatlah sedikit sebanyak meringankan beban mereka.

“Terima kasih kepada sukarelawan yang terlibat kerana melakukan kerja pembersihan dengan bersemangat,” jelas kenyataan di Facebook KWP.







**MISI BANTUAN BANJIR
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
BILIK GERAKAN LAPANGAN MENTAKAB DAN TEMERLOH**



LAPORAN HARIAN

**MISI BANTUAN BANJIR
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN BERSAMA AGENSI**

**BILIK GERAKAN LAPANGAN
MENTAKAB DAN TEMERLOH**

26 DISEMBER 2021 (AHAD)

**MISI BANTUAN BANJIR KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN BERSAMA AGENSI
PUSAT KAWALAN OPERASI BANJIR MENTAKAB_ 26 DISEMBER 2021 (AHAD)**

MASA MULA OPERASI	8:00PG	JUMLAH SUKARELAWAN PPj	70
MASA TAMAT OPERASI	6:30PTG	JUMLAH PEKERJA PEMBERSIHAN	20
JUMLAH PEMBERSIHAN / BANTUAN			
KAWASAN AWAM	3	PENYERAHAN BAKUL MAKANAN	60

**JENTERA, KELENGKAPAN DAN SUKARELAWAN
PUSAT KAWALAN OPERASI MENTAKAB_ 26 DISEMBER 2021**

BIL	ITEM	JUMLAH
JENTERA PENGANGKUTAN		
1.	LORI	2
2.	PACUAN 4 RODA	20
3.	BOT EJIN	1
4.	FLOATER BOAT	1
5.	ENJIN SANGKUT	1
JENTERA BILIK GERAKAN		
1.	GENERATOR SET	1
JENTERA PEMBERSIHAN		
1.	WATER JET	15
2.	WATER PUMP	2
3.	HOS BIRU	3
KELENGKAPAN / PERALATAN LAIN		
1.	PETROL	3 TONG
SUKARELAWAN / PETUGAS		
1.	SUKARELAWAN / PETUGAS PPj	70 ORANG
2.	PEKERJA PEMBERSIHAN	20 ORANG

STATUS GERAK KERJA PEMBERSIHAN MASJID/SURAU, TAMAN DAN KAWASAN AWAM

BIL	MASJID / SURAU	STATUS
1.	MASJID KG. GAJAH MATI BATU KAPUR	
2.	MASJID KUALA KUANG	SELESAI
3.	MASJID DESA BAKTI	SELESAI
4.	SURAU TAMAN LANCHANG INDAH	
6.	MASJID SRI SEMANTAN	SELESAI
8.	MASJID KG RAJA	SELESAI
9.	MASJID KG TEBAL	SELESAI
10.	MASJID KG BERHALA GANTANG	
12	MASJID KG BUKIT LADA	SELESAI
13.	MASJID PULAU PASIR MANDI	
14.	MASJID AN NUR	
15.	TAMAN ESPLANADE TEMERLOH	SELESAI
16.	TAMAN KUBANG GAJAH	
17.	KAWASAN AWAM GERAI MPT	
18.	DATARAN TEMERLOH	

TUPA YB MENTERI WP



PEMBERSIHAN TAMAN ESPLANADE TEMERLOH



LOKASI PEMBERSIHAN ESOK 27 DISEMBER 2021



BIL	MASJID / SURAU
1.	MASJID KG. GAJAH MATI BATU KAPUR
2.	DATARAN TEMERLOH BERHADAPAN BANGUNAN UMNO TEMERLOH
3.	RUMAH WARGA EMAS DI LANCHANG
4.	SURAU BT. KAPUR BAWAH
5.	PEMBERSIHAN JALAN KAMPUNG



TINJAUAN KAWASAN UNTUK PEMBERSIHAN




TINJAUAN KAWASAN UNTUK PEMBERSIHAN




PENYERAHAN BAKUL MAKANAN



NOTA YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN
BUKU PELAWAT PKOB TEMERLOH/MENTAKAB



NOTA YBHG DATIN SERI SHAMSIAH BT MOHD YASSIN
BUKU PELAWAT PKOB TEMERLOH/MENTAKAB





PANGGILAN SUKARELAWAN WIPERS PRIHATIN

MISI BANTUAN MANGSA BANJIR DI BENTONG PAHANG

(TERBUKA KEPADA ATLET DAN JURULATIH WIPERS BERUMUR 19 TAHUN DAN KE ATAS)

TARIKH : 29 DESEMBER 2021 (RABU)

TEMPAT BERKUMPUL : KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

PENDAFTARAN SUKARELAWAN



Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Encik Mohd Azri Heikal bin Abd Latif (03-8892 6623)

Encik Asrezza bin Abas (03-8892 6692)



www.wipers.gov.my



MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN



official_msdp.wipers



@MSWP_WIPERS